

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 17/11/2016

Muka surat: 5

Tajuk : Sidang ketiga konvokesyen UNIMAS catat sejarah



BANGGA ... Nur Ain Otsman berkongsi kegembiraan bersama keluarga tercinta pada sidang ke-3 Konvokesyen ke-20 UNIMAS. Beliau kini bekerja di Utusan Sarawak. • Foto PENERANGAN

KOTA SAMARAHAN: Sidang ketiga Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) ke-20 tahun ini menyaksikan graduan daripada dua fakulti akan menerima ijazah masing-masing.

Penyerahan ijazah dalam sidang ketiga hari ini telah disempurnakan oleh Pro Canselor UNIMAS, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu anak Numpang.

Barisan graduan daripada Fakulti Sains Sosial adalah seramai 621 orang dari tujuh buah program iaitu program perancangan dan pengurusan pembangunan, kajian hubungan industri dan perburuhan, antropologi dan sosiologi, kajian antarabangsa, kajian politik dan pemerintahan, kajian komunikasi dan kajian khidmat

sosial.

Manakala graduan dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) adalah 175 orang melibatkan dua program FPSK iaitu ijazah doktor perubatan dan program kejururawatan.

Konvokesyen kali ini menyaksikan 4,275 graduan UNIMAS pada majlis konvokesyen ke-20, iaitu catatan graduan tertinggi setakat ini merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu ijazah doktor falsafah, ijazah sarjana dan ijazah sarjana muda.

Daripada keseluruhan jumlah tersebut, 67 orang adalah graduan doktor falsafah (PhD), Ijazah Sarjana (337 orang) dan Ijazah Sarjana Muda (3,871 orang).

– Penerangan

Disediakan oleh: Olivia Ajan
Bahagian Canselori